

Najib umum tiga projek baru di Cyberjaya
Malaysian Insider
April 5,2013
Oleh Zurairi AR

CYBERJAYA, 5 April — Datuk Seri Najib Razak mengumumkan tiga projek utama di Cyberjaya hari ini, dan beliau merayu kepada hadirin untuk mempertahankan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

Projek yang berjumlah RM8 bilion, termasuk RM6 bilion untuk pusat bandar Cyberjaya, masjid mesra alam sekitar berjumlah RM600 juta dan beberapa projek pembangunan berjumlah RM1.02 bilion.

“Tidak lama lagi, akan tiba masanya untuk kita sedar idea menarik ini,” kata perdana menteri semasa majlis pecah tanah masjid di sini, merujuk kepada Pilihan Raya 2013 akan datang.

Menurut Najib, salah satu halangan untuk projek adalah masalah air di Selangor yang akan berterusan sekiranya kerajaan negeri terus menolak projek loji rawatan

Air Langat 2.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-umum-tiga-projek-baru-di-cyberjaya/>